

# 'Saling bersaing kunci kejayaan kami'

**KUALA LUMPUR** 3 Nov. - Saling bersaing dan belajar bersama-sama menjadi rutin pasangan kembar seiras sehingga masing-masing berjaya memperoleh segulung ijazah di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Bagi pasangan kembar **Nurul Najwa Mohd. Shukri** dan adiknya, **Nurul Nabila**, 23, persaingan secara sihat untuk melihat kejayaan antara satu sama lain banyak membantu mereka untuk mengulangkaji pelajaran bersama-sama sehingga kedua-duanya berjaya menamatkan pengajian dan menggenggam ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing.

Menurut Nurul Najwa, kejayaannya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan (Matematik) adalah untuk mencabar dirinya supaya dapat menamatkan pelajaran bersama-sama adiknya, sekali gus mencapai cita-cita menjadi seorang guru Matematik selepas ini.

Malah, keakraban serta kata hati yang kuat sebagai pasangan kembar membolehkan mereka memahami serta mengamalkan sikap saling mengingatkan antara satu sama lain agar tidak lalai untuk mengulangkaji pelajaran, selain menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Islam.

"Hubungan baik sejak kecil dan kata hati yang sama memudahkan kami berbicara atau berkongsi rasa kesukaran ketika belajar. Saya bersyukur dikurniakan seorang adik yang memahami serta menjadi tulang bekakang kejayaan saya hari ini.

"Walaupun kami tidak belajar dalam bidang yang sama, namun kami menggunakan masa lapang yang ada untuk belajar dan mengulangkaji bersama-sama ketika



DARI kiri, Ahmad Fazril Mohd. Zamri, Nurul Nabila Mohd. Shukri dan Nurul Najwa Mohd. Shukri melihat ijazah yang diterima semasa Majlis Konvokesyen UPM Ke-38 di Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/SYEFRY MONIZ

dalam bilik," katanya.

Pasangan kembar itu antara 795 penerima ijazah sarjana muda yang disampaikan Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail dalam sesi kelima, Majlis Konvokesyen UPM Ke-38 di sini hari ini.

Sementara itu, Nurul Nabila yang berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) yakin doa daripada ibu bapanya adalah rahsia kejayaan besarnya hari ini.

"Kami tidak pernah lupa untuk menghubungi ibu bapa sekurang-kurang sekali dalam sehari untuk bertanyakan khabar dan melepaskan rindu. Malah, setiap kali sebelum mengakhiri perbualan, kami

tidak putus-putus meminta mereka mendoaakan kejayaan dalam pelajaran," ujarnya.

Dalam pada itu, suami kepada Nurul Nabila, **Ahmad Fazril Mohd. Zamri**, 24, yang juga memperoleh ijazah sarjana muda yang sama dengan isterinya berkata, walaupun baru melangsungkan perkahwinan dua bulan lalu, tanggungjawab sebagai pelajar menjadi pendorong serta cabaran kepadanya untuk memberi kehidupan yang cerah kepada keluarga.

"Saya berazam menjadi seorang guru. Buat masa ini, saya sedang menunggu panggilan temuduga. Saya mahu menjadi contoh kepada isteri dan anak-anak nanti," katanya.